

Helikopter padam kebakaran di Sri Aman terpaksa patah balik

BERNAMA || 18 September 2019



Pemandangan matahari kemerahan akibat jerebu di Jalan Sri Aman - Lingga yang dirakam pada 7 pagi ini. Kualiti udara di Sri Aman secara umumnya menunjukkan penurunan setakat 8 pagi ini daripada peringkat bahaya kepada sangat tidak sihat. - Foto Bernama

KUCHING - Sebuah helikopter milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang sepatutnya terbang dari Miri untuk operasi pemadaman kebakaran tanah gambut di Sri Aman dan Betong di sini terpaksa berpatah balik akibat jerebu.

Pengarah JBPM Sarawak, Khirudin Drahman berkata, helikopter berkenaan terbang dari Unit Udara Bomba dan Penyelamat, Miri, pagi semalam namun terpaksa berpatah balik sebaik tiba di kawasan Niah disebabkan jarak penglihatan di udara hanya sekitar 500 meter.

"Justeru atas nasihat Kawalan Trafik Udara demi keselamatan kru, walaupun mereka berusaha untuk bantu kita tetapi mereka terpaksa berpatah balik," katanya.

Terdahulu, beliau menyerahkan bendera kontinjen JBPM Sarawak sempena pertandingan Fire Fighter and Rescue Exercise Challenge di sini hari ini.

Selain helikopter berkenaan, sebuah lagi aset udara iaitu pesawat Bombardier CL-415 milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dikerahkan ke dua kawasan berkenaan bagi memadam kebakaran di tiga lokasi iaitu Kampung STC, Jalan Tisak Beyong dan Jalan Kejatau.